

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
(HULU LANGAT)**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021
(SELASA)**

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat perolehan pesawat *Airborne Early Warning and Control* (AEW&C) memandangkan ruang udara negara kerap diceroboh oleh anasir asing yang telah merendahkan maruah pertahanan udara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) masih dalam perancangan untuk membuat perolehan pesawat *Airborne Early Warning and Control* (AEW&C).

Namun daripada segi perolehan aset-aset lain bagi memperkasa usaha mempertahankan ruang udara negara, di bawah RMke-12, Kerajaan merancang melaksanakan perolehan *Maritime Patrol Aircraft* (MPA) bagi menggantikan pesawat Beechcraft yang lebih berkemampuan untuk melaksanakan rondaan maritim dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Selain itu, turut diluluskan di bawah RMke-12 ialah perolehan *Fighter Lead In Trainer* (FLIT)/*Light Combat Aircraft* (LCA) untuk tujuan latihan bakal juruterbang pesawat pejuang serta memenuhi keperluan operasi dan latihan juruterbang TUDM.

Terima kasih.